

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.  
KADIR [ SETIU ]**

**SOALAN NO. 400**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini pembinaan Jalan Hulu Seladang ke Bandar Permaisuri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian telah menerima permohonan daripada Kerajaan Negeri Terengganu bagi Projek Menaiktaraf Jalan Bandar Permaisuri Ke Kg Hulu Seladang (Di KM 0.3-KM1.3 Dan Di KM4.0-KM6.0), Jalan T138, Setiu, pada bulan Mac 2019 yang lalu.
2. Pihak kementerian juga telah mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), untuk dilaksanakan di dalam Rolling Plan akan datang. Skop yang dipohon bagi projek ini adalah untuk menaiktaraf jalan sepanjang 3.0 km dengan spesifikasi jalan JKR R2.
3. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, MEA dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.